IBU PEJABAT,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,
MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRESINT 7,
62250 PUTRAJAYA.

Telefon : 603-88927600
Faks : 603-88927977
Laman Web : www.bomba.gov.my
E-mail : bkkjbpm@bomba.gov.my

Ruj Tuan :
Ruj Kami : JBPM/IP/BKK:700-2/6/1Jld 7( )
Tarikh : 20 Julai 2017

**SEPERTI EDARAN**

Tuan,

**PANGSAPURI SERVIS YANG MELEBIHI KETINGGIAN 30 METER**

Merujuk kepada mesyuarat Majlis Perundingan Khas Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Badan Profesional Bil 2/2017 bertarikh 19 Mei 2017 adalah berkaitan.

2. Memaklumkan bahawa berdasarkan kepada terminologi pangsapuri servis ianya dikategorikan sebagai hotel dan merujuk kepada Jadual Kesepuluh Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1984 dan UBBL 1984 Pindaan 2012 serta *Schedule J* Sarawak Building Ordinace 1994, apabila cukup syarat ianya perlu diadakan sistem semburan air automatik (sprinkler system).

3. Berdasarkan kepada keputusan mesyuarat di antara JBPM dan badan profesional telah bersetuju supaya semua pangsapuri servis yang mempunyai ketinggian melebihi 30 meter dari akses perkakas bomba adalah tidak dibenarkan untuk dikecualikan. JBPM boleh memberikan pertimbangan terhadap permohonan bagi pangsapuri servis yang tidak melebihi 30 meter tinggi sekiranya mendapat perakuan penggunaan sebagai rumah kediaman daripada Pihak Berkuasa Tempatan, pihak arkitek dan perakuan bersumpah daripada pihak pemaju.

4. Sehubungan itu, berkuatkuasa dari tarikh surat ini, pihak tuan hendaklah memastikan keperluan tersebut dipatuhi.

Sekian, terima kasih.

*"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"*

***"1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"***

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' HJ. ZAMRI BIN CHE DIN)**
Ketua Seksyen Perakuan Bangunan
b.p Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Keselamatan Kebakaran
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

s.k
1. YAS Ketua Pengarah
2. YAS Penolong Ketua Pengarah (Operasi)
3. YAS Penolong Ketua Pengarah (Pembangunan)